

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN NGA KOR MING
(TAIPING)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18.06.2014

Y.B. TUAN NGA KOR MING [TAIPING] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci apakah jumlah tanggungan liabiliti 1MDB dan senaraikan pihak yang membuat pinjaman kepada 1 Malaysia Development Berhad(1MDB).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah hutang 1MDB pada tahun berakhir 31 Mac 2013 adalah sebanyak RM37 bilion. Ini ada dinyatakan di dalam laporan kewangan

1MDB yang boleh perolehi dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Pihak yang memberi pinjaman kepada 1MDB terdiri daripada institusi kewangan domestik dan antarabangsa.

1MDB mempunyai pinjaman sebanyak RM5.8 bilion yang menerima jaminan eksplisit Kerajaan Malaysia. Selain daripada itu, 1MDB tidak menerima jaminan dari Kerajaan bagi bon-bon atau pinjaman-pinjaman yang lain.

Jaminan Kerajaan kepada pinjaman berjumlah RM5.8 billion tersebut terdiri daripada jaminan yang diberi kepada bon-bon IMTN 30 tahun berjumlah RM5 billion dan pinjaman 1MDB berjumlah RM800 juta.